



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html
ISSN: 2462-1951



Persepsi Pelajar Tentang Kesan Pendekatan Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Berpusatkan Pelajar Berserta Elemen Coaching dan Mentoring

Students' Perception about the Effects of Teaching Arabic Language Proficiency Using Student-Centered Teaching Approach Combined with Coaching and Mentoring Elements

Open
Access

Masyitoh Yaacob¹, Kaseh Abu Bakar^{1,*}

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 11 May 2018

Received in revised form 23 June 2018

Accepted 27 June 2018

Available online 3 July 2018

ABSTRACT

Pendekatan pengajaran pensyarah menjadi wasilah kepada penyampaian ilmu dan kemahiran kepada pelajar. Setiap pendekatan pengajaran mempunyai kesan yang tersendiri terhadap diri para pelajar. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar tentang kesan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen coaching dan mentoring dari sudut kesanggupan berkomunikasi, keimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa. Seramai 21 orang pelajar kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan terlibat sebagai peserta kajian ini. Pada akhir semester, borang soal selidik diedarkan kepada para peserta kajian dan temu bual kumpulan fokus juga dilaksanakan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian bersetuju bahawa telah berlaku peningkatan dalam diri masing-masing dari sudut kesanggupan berkomunikasi, pengurangan keimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa. Cara peningkatan diri pelajar dari sudut kesanggupan berkomunikasi, keimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa juga dibincangkan. Penemuan kajian ini memberikan maklumat tentang persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran ini penting sebagai panduan kepada para pensyarah untuk mempertimbangkan pendekatan pengajaran ini sebagai salah satu daripada pendekatan pengajaran yang boleh digunakan dalam proses pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

The lecturer's teaching approach becomes Arab part of the delivery of knowledge and skills to students. Each teaching approach has its own impact on the students. This survey study aimed to identify the students' perceptions about the effect of student-centered teaching approaches with the elements of coaching and mentoring from the point of willingness to communicate, speaking anxiety, linguistic confidence, efficiency speaking and international appearance. A total of 21 PPPJ3503 Arabic Language Oral course's students were involved as participant in this study. At the end of the semester, a questionnaire was distributed to all participants and focus group interview was also performed. The findings showed that all the participants of the study agreed that the increase in the individual's ability occurred respectively in terms of willingness to communicate, speaking anxiety reduction, linguistic confidence, efficiency and

* Corresponding author.

E-mail address: kaseh@ukm.edu.my (Kaseh Abu Bakar)

international appearances. How to increase students' willingness to communicate, from the point of speaking anxiety, linguistic confidence, efficiency and international speaking appearances are also discussed. The findings of this study provide information on students' perception of the impact of this important approach to teaching as a guide to the lecturers to consider this teaching approach as one of the teaching approach can be used in the process of teaching Arabic speaking skills.

Keywords:

Persepsi pelajar, pendekatan pengajaran Bahasa Arab, kemahiran bertutur, pengajaran berpusatkan pelajar, bimbingan dan didikan

Student's perception, Arabic language teaching approaches, speaking skill, student-centered teaching, coaching and mentoring

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pendahuluan

Pendekatan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab telah mengalami pelbagai inovasi. Inovasi demi inovasi dalam pendekatan pengajaran telah dilakukan oleh para pensyarah untuk memastikan para pelajar mampu menguasai kemahiran tersebut. Inovasi yang dilakukan oleh pensyarah dalam pendekatan pengajaran mereka perlu dilakukan berdasarkan maklum balas daripada para pelajar. Penerimaan positif atau negatif daripada pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah merupakan petunjuk kepada keberkesanan pengajaran pensyarah. Penerimaan pelajar terhadap sesuatu pendekatan pengajaran juga berkait rapat dengan persepsi pelajar.

Persepsi menurut Dewan Bahasa dan Pustaka [7] ialah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi panca indera) dan tanggapan. Secara umumnya, persepsi merujuk kepada cara seseorang memahami sesuatu atau bagaimana seseorang melihat sesuatu perkara. Maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah penting kerana persepsi pelajar merupakan elemen penting yang boleh digunakan untuk mengetahui keberkesanan pengajaran guru [23]. Oleh sebab persepsi merupakan elemen penting untuk mengetahui keberkesanan pengajaran guru, maka maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran guru perlu dititikberatkan.

Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* dari sudut kesanggupan berkomunikasi, keimbangan bertutur, keyakinan bertutur, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa. Persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran ini dinilai untuk mendapatkan maklumat tentang pengaruhnya terhadap sudut-sudut yang telah disebutkan di atas. Cara pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* memberikan kesan kepada pelajar dari sudut-sudut yang telah disebutkan juga dikenal pasti.

2. Pernyataan Masalah

Kepentingan persepsi pelajar tidak boleh disangkal lagi berdasarkan kajian Noor Faizah [23]. Oleh sebab itu, setiap pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru perlu diberikan maklum balas daripada pelajar tentang keberkesannya. Memandangkan para pelajar ialah individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran pensyarah, mereka layak untuk menyatakan persepsi mereka terhadap kesan pendekatan pengajaran pensyarah. Namun begitu, maklum balas tentang

persepsi pelajar tentang kesan pendekatan pengajaran pensyarah masih kurang diberikan perhatian yang sewajarnya.

Kekurangan maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah menyebabkan pendekatan pengajaran pensyarah tidak dilakukan sebarang penambahbaikan. Lebih menggusarkan apabila kursus yang diajar melibatkan kemahiran bertutur bahasa asing. Kemahiran bertutur bahasa asing merupakan kemahiran yang sukar untuk dikuasai oleh para pelajar [38]. Menurut Ellis [8] dan MacIntyre *et al.* [17], kesukaran tersebut berlaku kerana bahasa asing tidak digunakan dalam komunikasi sehari-harian dalam lingkungan masyarakat. Oleh sebab itu, penggunaan bahasa asing dalam kehidupan seharian perlu ditingkatkan semasa pengajaran berlangsung.

Selain daripada penggunaan bahasa asing dalam komunikasi seharian, pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah juga dapat mempengaruhi pemerolehan kemahiran bertutur bahasa asing dalam kalangan pelajar [34]. Oleh sebab itu, para pensyarah perlu mengetahui pendekatan, strategi, kaedah, dan teknik pengajaran terkini. Namun begitu, masih terdapat pensyarah yang tidak mengamalkan pendekatan, strategi, kaedah, dan teknik pengajaran yang bersesuaian. Lebih menyediakan apabila didapati terdapat segelintir pensyarah yang masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional [1,9,42].

Pendekatan pengajaran tradisional atau pendekatan berpusatkan guru bukan merupakan pendekatan pengajaran yang terbaik pada masa kini. Kajian Al-Dyab [1] mendapati bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan guru kurang berkesan dan tidak dapat menarik minat para pelajar untuk belajar. Kekurangan dan kelemahan dalam pendekatan pengajaran berpusatkan guru ini telah mencetuskan cadangan agar para pensyarah melakukan perubahan dalam penggunaan pendekatan pengajaran mereka [1].

Cadangan agar para pensyarah melakukan perubahan dalam penggunaan pendekatan pengajaran dikemukakan kerana penggunaan pendekatan pengajaran yang tidak sesuai oleh pensyarah boleh mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar [34]. Sekiranya pendekatan pengajaran yang digunakan berkesan, maka para pelajar akan mendapat hasil pembelajaran yang baik dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, pensyarah perlu bijak memilih pendekatan pengajaran yang sesuai untuk digunakan semasa menjalankan proses pengajaran.

Justeru itu, pemilihan pendekatan pengajaran yang sesuai untuk pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab hanya boleh dilaksanakan setelah maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah diperoleh. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertitik tolak daripada permasalahan kekurangan maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah.

3. Tijauan Literatur

Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah telah mendapat perhatian penyelidik terdahulu. Pelaksanaan kajian tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam kajian-kajian lepas telah melibatkan pelbagai bidang kajian. Antara bidang kajian yang melibatkan persepsi pelajar ialah bidang pengajaran tilawah al-Quran [20], pengajian keusahawanan [23], pendidikan kejuruteraan [41], fungsi surau sekolah [6], tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam [37], iklim pembelajaran [40], kebolehpasaran graduan dan persaingan dalam pasaran pekerjaan [25], amalan, kemahiran dan sikap serta hubungannya dengan aspirasi kerjaya dalam Mata Pelajaran Vokasional [28], dan program kitar semula [35]. Kehadiran kajian-kajian lepas berkaitan persepsi pelajar ini memberikan isyarat bahawa kajian tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah perlu dilaksanakan.

Selain daripada bidang-bidang kajian persepsi di atas, bidang pengajaran bahasa Arab juga tidak ketinggalan dalam pelaksanaan kajian persepsi. Kajian-kajian lepas tentang persepsi pelajar terhadap bidang pengajaran bahasa Arab yang telah dikaji meliputi konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab [4], kesalahan bahasa Arab, faktor penyumbang dan implikasi [5], penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan efikasi kendiri [18], penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab [28], pengajaran guru [24], pengajaran pensyarah yang menggunakan kaedah pengajaran bahasa berasaskan tugas dan keberkesanan kaedah tersebut [26], faktor atau elemen yang mempengaruhi tahap keresahan pelajar dalam kelas al-Muhadthah wa al-Khatabah [29], pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah [21], aplikasi kaedah terus [30], pembelajaran bahasa Arab [33] dan pengajaran pensyarah yang menggunakan kaedah pengajaran bahasa berasaskan tugas [26].

Kajian persepsi pelajar di IPT Malaysia terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab oleh Awatif, Ku Fatahiyah dan Hairun Najuwah [4] telah menggunakan sampel kajian seramai 397 orang pelajar. Dapatan kajian kuantitatif ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi. Tiga kluster utama yang mendukung persepsi ini ialah pensyarah, pelajar dan institusi pengajaran. Kerjasama antara ketiga-tiga kluster utama ini dapat meningkatkan lagi hasil pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di IPT Malaysia.

Kajian persepsi pelajar terhadap kesalahan bahasa Arab, faktor penyumbang dan implikasi oleh Azlan dan Rosni [5] pula berkaitan dengan kemahiran menulis bahasa Arab. Kajian ini dilaksanakan kepada 113 pelajar tahun empat di Universiti Awam terpilih. Dapatan kajian mendapati bahawa kesalahan yang paling kerap dilakukan ialah kesalahan *sintaks*. Faktor utama kesalahan ini ialah kurang memahami kaedah nahu dan *sorof* dan kurang latihan penulisan karangan. Implikasinya ialah para pelajar tidak berupaya menulis latihan ilmiah tahun akhir.

Kajian kuantitatif tentang persepsi pelajar universiti-universiti di Malaysia terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan efikasi kendiri oleh Mohamad Azrien, Mohamed Adnan dan Zamri [18] menunjukkan bahawa purata kebanyakan pelajar mengamalkan strategi membaca, strategi mendengar, strategi bertutur dan strategi pembelajaran perbendaharaan kata. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian pelajar.

Kajian kuantitatif tentang persepsi pelajar Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab oleh Norhayati *et al.*, [27] pula mendapati bahawa para pelajar mempunyai persepsi yang tinggi dan memberikan respons positif terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Nilai purata yang diperoleh dalam kajian ini ialah 4.34. dapatan kajian ini menunjukkan bahawa animasi sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar bahasa Arab kerana penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab mampu menarik minat pelajar untuk menguasai bahasa Arab.

Kajian Noorafini *et al.*, [24] telah mengkaji tentang persepsi pelajar di Pusat Penataran Ilmu Bahasa, Universiti Malaysia Sabah tentang pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab. Dapatan kajian ini mendapati bahawa persepsi pelajar bagi pengajaran guru dalam mempelajari bahasa Arab adalah positif dan mereka dapat menerima pengajaran guru dengan baik dan berkesan. Para pelajar mendapati para guru bahasa Arab dapat menyampaikan isi-isi pelajaran melalui strategi tertentu. Hasilnya, para pelajar dapat menerima pengetahuan secara bermakna.

Kajian Nor Syahida [26] terhadap 30 orang pelajar tentang persepsi responden terhadap pensyarah yang menggunakan kaedah pengajaran bahasa berasaskan tugas (KPBBT). Dapatan kajian ini mendapati bahawa para pelajar bersetuju bahawa penggunaan KPBBT ini berupaya membantu mereka untuk memahami bahasa Arab dengan lebih berkesan. Majoriti pensyarah yang menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka mengakui bahawa kaedah ini banyak membantu mereka dalam pengajaran bahasa Arab. Berdasarkan dapatan kajian ini, KPBBT ini berjaya

memberikan impak positif kepada kedua-dua belah pihak untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kajian Nur Pratiwi [29] cuba mendapatkan persepsi dan pandangan pensyarah kursus Maharat al-Muhadathah wa al-Khatbah terhadap faktor yang mempengaruhi tahap keresahan pelajar. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa antara faktor yang mempengaruhi keresahan pelajar adalah perasaan malu, tidak berani dan takut salah, tidak yakin dan tidak minat. Cara dan teknik pengajaran yang digunakan oleh pensyarah semasa di dalam kelas juga penting untuk meningkatkan atau mengurang tahap keresahan pelajar. Selain daripada itu, pelajar sendiri perlu bijak untuk mengendalikan keresahan berbahasa mereka.

Kajian tinjauan persepsi pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah bagi masyarakat Muslim awam telah dilaksanakan oleh Mohd Shahrizal [21]. Seramai 616 orang responden di seluruh Malaysia terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti masyarakat awam mengiktiraf kepentingan pembelajaran bahasa Arab bagi masyarakat muslim. Lebih-lebih lagi, apabila pengetahuan bahasa Arab penting untuk memahami bacaan-bacaan asas dalam ibadah.

Kajian kuasi eksperimen yang dijalankan oleh Rohaizaf [30] bertujuan untuk meninjau persepsi sampel kajian kumpulan eksperimen terhadap aplikasi kaedah terus dalam pengajaran bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa sampel kajian kumpulan eksperimen menyokong aplikasi kaedah terus dalam pengajaran bahasa Arab. Hal ini kerana hasil ujian-temu bual terhadap skor ujian sampel kajian kumpulan eksperimen telah menunjukkan peningkatan kemahiran bertutur yang lebih tinggi berbanding sampel kajian kumpulan kawalan.

Gambaran persepsi siswa kelas akhir SMP Muhammadiyah Boarding School (MBS Yogyakarta) terhadap bahasa Arab telah dikaji oleh Sri Lestari [33]. Gambaran persepsi terhadap bahasa Arab tersebut dikaji dari segi tahap kemudahan mempelajarinya dan fungsi utamanya. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar siswa (65.62%) menyatakan bahawa tahap kemudahan mempelajari bahasa Arab ialah mudah tapi rumit. 30.2% siswa menyatakan bahawa bahasa Arab merupakan satu alat komunikasi internasional. Persepsi positif yang diberikan oleh para siswa disebabkan oleh pembelajaran bahasa Arab sejak usia dini (0-4 tahun), pola hubungan keluarga yang sihat dan metode pembelajaran yang mengutamakan kepentingan anak.

Semua dapatkan kajian persepsi di atas telah menyumbang kepada bidang kajian pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian-kajian lepas ini memberikan isyarat kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pengajaran bahasa Arab untuk memperbaiki kelemahan yang berlaku dan mengekalkan kekuatan yang sedia ada. Tujuan penambahbaikan kepada kelemahan kajian dan pengekalan kekuatan kajian dilakukan ialah untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih belum menyeluruh. Hal ini kerana kajian-kajian lepas tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dilakukan secara umum dan hanya menyentuh beberapa aspek dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Aspek-aspek tersebut ialah penggunaan strategi pembelajaran, penggunaan animasi, faktor kesalahan menulis bahasa sahaja. Manakala kajian yang menumpukan kepada persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab khususnya masih lagi kurang dan perlu diterokai dengan lebih mendalam.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran pensyarah dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Keperluan kajian persepsi ini bertitik tolak daripada kekurangan maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah. Kekurangan maklumat tersebut menyebabkan pendekatan pengajaran

pensyarah statik dan tiada sebarang penambahbaikan terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan. Oleh yang demikian, kajian tentang persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah dilaksanakan untuk menilai sejauh mana keberkesanannya.

4. Metodologi

4.1 Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan ini digunakan dalam kajian ini untuk meninjau tentang persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah. Data kualitatif juga digunakan dalam kajian ini untuk mengukuhkan dapatan kajian tinjauan ini.

4.2 Peserta Kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini seramai 21 orang pelajar prasiswazah Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Para pelajar ini dipilih kerana mempunyai pengalaman diajar dengan menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* semasa mengikuti kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan selama satu semester. Pengalaman pembelajaran para peserta kajian ini merupakan data yang dapat menjawab semua persoalan kajian ini.

4.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah item-item soal selidik dan protokol temu bual. Oleh itu, kaedah soal selidik dan kaedah temu bual kumpulan fokus merupakan kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data kajian ini. Semua instrumen kajian ini diedarkan dan disoal kepada para peserta kajian pada akhir semester.

4.4 Analisis Data

Semua data diperoleh daripada jawapan soal selidik dan transkripsi temu bual kumpulan fokus dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif (peratusan) dan kaedah analisis tematik. Kaedah analisis deskriptif (peratusan) dilakukan secara manual manakala kaedah analisis tematik dilakukan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 8.0.

5. Dapatan Kajian

Setiap pelajar mempunyai persepsi yang berbeza terhadap kesan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* terhadap pemerolehan kemahiran bertutur bahasa Arab mereka. Perbezaan tersebut berlaku kerana mereka mempunyai kemampuan bertutur dalam bahasa Arab yang berbeza berdasarkan kepada pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang berbeza. Namun masih terdapat persamaan antara mereka iaitu belajar bersama pensyarah yang sama dan pendekatan pengajaran yang digunakan adalah sama.

Untuk mendapatkan maklumat persepsi pelajar tentang kesan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* dari sudut kesanggupan berkomunikasi, keimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan

antarabangsa, tujuh item soal selidik digunakan. Berikut adalah hasil analisis data kuantitatif (soal selidik).

5.1 Persepsi Pelajar Terhadap Kesan Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar Berserta Elemen Coaching dan Mentoring dari Sudut Kesanggupan Berkomunikasi dalam Bahasa Arab

Jadual 1

Kesan Dari Sudut Kesanggupan Berkomunikasi

| Anggaran Kemajuan Diri | Bawah 20% | 20% -49% | 50% - 69% | 70% - 100% |
|--|-----------|----------|-----------|------------|
| Kesanggupan saya berkomunikasi dalam bahasa Arab | 0 | 0 | 4 (19%) | 17 (81%) |

Jadual 1 menunjukkan bahawa para pelajar telah mengalami peningkatan kemajuan diri dari sudut kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab semua pelajar telah melepassi 50%. Seramai empat orang pelajar sahaja (19%) yang menganggarkan kemajuan diri antara 50% hingga 69%. Selebihnya menyatakan bahawa anggaran kemajuan diri mereka telah melepassi 70% hingga 100%. Kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab penting sebagai langkah pertama untuk membina keyakinan berbahasa Arab.

5.2 Persepsi Pelajar Terhadap Kesan Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar Berserta Elemen Coaching dan Mentoring dari Sudut Keyakinan Bertutur dalam Bahasa Arab

Jadual 2

Kesan Dari Sudut Keyakinan Bertutur Bahasa Arab

| Anggaran Kemajuan Diri | Bawah 20% | 20% -49% | 50% - 69% | 70% - 100% |
|---|-----------|----------|-----------|------------|
| Keyakinan saya untuk berinteraksi dengan orang Arab | 0 | 3 (14%) | 6 (29%) | 12 (57%) |

Kesan pendekatan pengajaran ini terhadap keyakinan bertutur bahasa Arab para pelajar boleh dilihat di dalam Jadual 2 di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua pelajar berjaya melepassi anggaran kemajuan diri sebanyak 20% ke atas. Seramai tiga orang peserta kajian yang mencapai kemajuan diri sebanyak 20% hingga 49%, enam orang peserta kajian (29%) melepassi kemajuan diri sebanyak 50% hingga 69%. Majoriti peserta kajian iaitu seramai 12 orang (57%) berjaya mencapai kemajuan diri dari sudut keyakinan berinteraksi dengan orang Arab sebanyak 70% hingga 100%. Keyakinan untuk berinteraksi dengan orang Arab perlu untuk menjadikan mereka berani untuk bercakap Arab dengan orang Arab sendiri.

5.3 Persepsi Pelajar Terhadap Kesan Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar Berserta Elemen Coaching dan Mentoring dari Sudut Kebimbangan Bertutur dalam Bahasa Arab

Jadual 3

Kesan Dari Sudut Kebimbangan Bertutur Bahasa Arab

| Anggaran Kemajuan Diri | Bawah 20% | 20% -49% | 50% - 69% | 70% - 100% |
|--|-----------|----------|-----------|------------|
| Mengatasi kebimbangan saya untuk bertutur Arab | 0 | 1 (4.8%) | 6 (29%) | 14 (67%) |

Kebimbangan bertutur dalam bahasa Arab boleh menyebabkan pelajar tiada kesanggupan berkomunikasi dan keyakinan berbahasa Arab. Jadual 3 telah menunjukkan bahawa kebanyakan peserta kajian telah berjaya mengatasi kebimbangan bertutur bahasa Arab sebanyak 70% hingga 100%. Seramai enam orang peserta kajian (29%) menganggarkan kebimbangan bertutur bahasa Arab mereka telah berjaya di atas sebanyak 50% hingga 69%. Hanya seorang peserta kajian sahaja yang berjaya mengatasi kebimbangan bertutur bahasa Arab sebanyak 20% hingga 49%. Sekiranya perasaan bimbang untuk bertutur dalam bahasa Arab berjaya di atasi, potensi untuk peserta kajian mempunyai kesanggupan berkomunikasi dan keyakinan berbahasa Arab adalah tinggi. Hal ini kerana perasaan-perasaan tersebut saling berkaitan antara satu sama lain.

5.4 Persepsi Pelajar Terhadap Kesan Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar Berserta Elemen Coaching dan Mentoring dari Sudut Penampilan Antarabangsa

Penampilan antarabangsa dalam kajian ini merangkumi interaksi praktikal dengan orang Arab, keberanian berinteraksi dengan orang Arab, minat terhadap budaya Arab dan minat terhadap budaya Arab. Berikut adalah hasil analisis persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* dari sudut penampilan antarabangsa.

5.4.1 Interaksi praktikal dengan orang Arab

Jadual 4

Kesan Dari Sudut Interaksi Praktikal Dengan Orang Arab

| Anggaran Kemajuan Diri | Bawah 20% | 20% -49% | 50% - 69% | 70% - 100% |
|--|-----------|----------|-----------|------------|
| Interaksi praktikal saya dengan orang Arab | 1 (5%) | 3 (14%) | 10 (48%) | 7 (33%) |

Item interaksi praktikal peserta kajian dengan orang Arab telah mendapat respons yang pelbagai. Data menunjukkan bahawa terdapat seorang peserta kajian (5%) yang mencapai peningkatan kemajuan diri dalam lingkungan bawah daripada 20%. Tiga orang peserta kajian (14%) menganggarkan kemajuan diri mereka sebanyak 20% hingga 49%. 10 orang peserta kajian (48%) memilih peningkatan diri sebanyak 50% hingga 69%. Terdapat tujuh orang peserta kajian (33%) yang berjaya mencapai peningkatan kemajuan diri dalam item ini sebanyak 70% hingga 100%.

5.4.2 Keberanian berinteraksi dengan orang Arab

Jadual 5

Kesan Dari Sudut Keberanian Berinteraksi Dengan Orang Arab

| Anggaran Kemajuan Diri | Bawah 20% | 20% -49% | 50% - 69% | 70% - 100% |
|--|-----------|----------|-----------|------------|
| Keberanian saya untuk berinteraksi dengan orang Arab | 0 | 4 (19%) | 8 (38%) | 9 (43%) |

Jadual di atas menunjukkan bahawa keberanian peserta kajian untuk berinteraksi dengan orang Arab telah mencecah peningkatan sebanyak 20% ke atas. Seramai empat orang peserta kajian (19%) telah berani untuk berinteraksi dengan orang Arab sebanyak 20% hingga 49%. Lapan orang peserta kajian (38%) memilih anggaran kemajuan diri dalam interaksi bersama orang Arab sebanyak 50% hingga 69%. Untuk anggaran kemajuan diri antara 70% hingga 100%, seramai 9 orang peserta kajian (43%) telah mencapai tahap tersebut.

5.4.3 Minat terhadap budaya Arab

Jadual 6

Kesan Dari Sudut Minat Terhadap Budaya Arab

| Anggaran Kemajuan Diri | Bawah 20% | 20% -49% | 50% - 69% | 70% - 100% |
|---------------------------------|-----------|----------|-----------|------------|
| Minat saya terhadap budaya Arab | 0 | 1 (5%) | 3 (14%) | 15 (71%) |

Berdasarkan jadual di atas, minat peserta kajian terhadap budaya Arab telah mencapai kemajuan sebanyak 20% hingga 100%. Bilangan peserta kajian yang mencapai kemajuan diri sebanyak 20% hingga 49% ialah seorang (5%). Kemajuan diri antara 50% hingga 69% seramai 3 orang (14%). Baki peserta kajian iaitu seramai 15 orang (71%) telah mencapai kemajuan diri dalam item minat terhadap budaya diri sebanyak 70% hingga 100%.

5.4.4 Minat terhadap isu-isu dunia Arab

Jadual 7

Kesan Dari Sudut Minat Terhadap Isu-Isu Dunia Arab

| Anggaran Kemajuan Diri | Bawah 20% | 20% -49% | 50% - 69% | 70% - 100% |
|--|-----------|----------|-----------|------------|
| Minat saya terhadap isu-isu dunia Arab | 0 | 2 (10%) | 4 (19%) | 15 (71%) |

Data berkaitan dengan minat terhadap isu-isu dunia Arab telah menunjukkan bahawa seramai 15 orang peserta kajian (71%) telah mencapai kemajuan diri sebanyak 70% hingga 100%. Empat orang peserta kajian telah mencapai kemajuan diri sebanyak 50% hingga 69%. Hanya dua orang peserta kajian sahaja yang mencapai peningkatan diri dalam minat terhadap isu-isu dunia Arab sebanyak 20% hingga 49%. Tiada seorang pun dalam kalangan peserta kajian yang mencapai kemajuan diri yang kurang daripada 20%.

Dapatkan kajian daripada data kuantitatif telah menunjukkan bahawa majoriti peserta kajian telah menganggarkan peningkatan diri melebihi 20% dari semua sudut. Manakala untuk kesan pendekatan pengajaran ini dari sudut interaksi praktikal dengan orang Arab, terdapat seorang peserta kajian yang menganggarkan peningkatan diri bawah daripada 20%. Anggaran peningkatan diri paling tinggi ialah dari sudut kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Kemudian diikuti dengan minat terhadap budaya Arab dan minat terhadap isu-isu negara Arab. Secara kesimpulannya, dapatan persepsi pelajar telah bersetuju bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* adalah berkesan.

Berikut ialah hasil analisis temu bual kumpulan fokus:

Analisis temu bual juga dilakukan sebagai triangulasi metodologi untuk memberikan justifikasi yang kukuh terhadap dapatan yang diperoleh daripada instrumen soal selidik. Seramai 21 orang peserta kajian ditemu bual dalam kumpulan fokus. Fokus temu bual ialah untuk mengetahui tentang cara pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* memberi kesan kepada peserta kajian dari sudut kesanggupan berkomunikasi, kebimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa.

Dapatkan kajian daripada hasil analisis transkripsi temu bual kumpulan fokus menunjukkan aktiviti pengajaran yang menyumbang kepada peningkatan diri peserta kajian dari sudut kesanggupan berkomunikasi, kebimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa. Ringkasan tema dan subtema persepsi pelajar terhadap kesan

pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* ialah seperti berikut:

Jadual 8

Ringkasan tema dan subtema persepsi pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring*

| Tema | Subtema |
|---|--|
| Kesanggupan berkomunikasi | Penggunaan buku teks <i>Arabic Linguaphone</i> Perbincangan di dalam bilik kuliah tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar Tugas-tugas yang diberikan kepada pelajar Ruang masa untuk bersedia yang diberikan oleh pensyarah Aktiviti pidato spontan Dorongan kendiri |
| Kebimbangan berbahasa | Penggunaan buku teks <i>Arabic Linguaphone</i> Galakan dan bantuan pensyarah secara berterusan Aktiviti pidato spontan Kepelbagai aktiviti dan tugas Unsur paksaan |
| Keyakinan bertutur | Latih tubi bercakap Arab Latihan perbualan berpandukan buku teks <i>Arabic Linguaphone</i> dan tanpa berpandukan buku teks <i>Arabic Linguaphone</i> <i>Coaching</i> dan <i>mentoring</i> isu Arab spring <i>Coaching</i> dan <i>mentoring</i> pidato spontan Latihan pidato spontan berulang kali Cipta kesedian diri Rasa terpaksa |
| Kecekapan bertutur | Aktiviti-aktiviti spontan Tugasan rakaman video Penggunaan buku teks <i>Arabic Linguaphone</i> Latih tubi bercakap Arab Perbincangan di dalam bilik kuliah Kepercayaan kepada diri |
| Penampilan antarabangsa (Interaksi dengan orang Arab) | Keberanian diri Penggunaan buku teks <i>Arabic Linguaphone</i> Aktiviti dan tugas di restoran Arab Berkawan dengan orang Arab Unsur paksa diri |
| Penampilan antarabangsa (Minat terhadap budaya Arab) | Identiti Arab Video masakan Arab Video pertukaran budaya Perbincangan isu-isu negara Arab Perbincangan budaya Arab |
| Penampilan antarabangsa (Minat terhadap isu-isu negara Arab) | Perbincangan isu-isu negara Arab Aktiviti spontan |

Jadual 8 menunjukkan cara pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* memberikan kesan kepada para peserta kajian dari sudut kesanggupan berkomunikasi, kebimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa. Cara pendekatan pengajaran ini memberikan kesan kepada para peserta kajian boleh dilihat melalui subtema-subtema yang terbentuk. Subtema-subtema yang terbentuk telah mendedahkan tentang aktiviti-aktiviti dan tugas-tugas kursus yang menyumbang kepada peningkatan peserta kajian dari sudut kesanggupan berkomunikasi, pengurangan kebimbangan

berbahasa, keyakinan bertutur, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa. Setelah diamati, beberapa aktiviti dan tugas yang mempunyai kekerapan yang tinggi ialah seperti berikut:

5.5 Penggunaan Buku Teks Arabic *Linguaphone*

Penggunaan buku teks *Arabic Linguaphone* berjaya membantu pelajar untuk meningkatkan kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab, mengatasi kebimbangan berbahasa Arab, meningkatkan keyakinan bertutur bahasa Arab, meningkatkan kecekapan bertutur bahasa Arab dan meningkatkan interaksi pelajar dengan orang Arab. Cara penggunaan buku teks *Arabic Linguaphone* ditunjukkan terlebih dahulu oleh pensyarah. Kemudian, para pelajar perlu menggunakan buku teks tersebut secara sepenuhnya untuk menghafal kosa kata, frasa-frasa dan struktur-struktur ayat baru dan melakukan latihan perbualan bersama rakan sama ada berpandukan buku teks *Arabic Linguaphone* atau tanpa berpandukan buku teks tersebut. Penguasaan pelajar terhadap topik-topik perbualan yang terdapat di dalam buku teks *Arabic Linguaphone* membantu mereka untuk mengatasi masalah kekurangan kosa kata. Dapatkan kajian ini mengukuhkan lagi daptan kajian Selamat [31] yang menyatakan bahawa bahan pengajaran perlu digunakan oleh para pelajar sendiri untuk belajar bersama rakan-rakan mereka. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa bahan pengajaran dapat memberikan pengaruh yang besar kepada pelajar. Kajian Al-Dyab [1] juga menyatakan bahawa bahan pengajaran merupakan salah satu rukun pengajaran yang penting.

5.6 Aktiviti-Aktiviti Berkonsepkan Spontan

Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti berkonsepkan spontan juga banyak membantu para pelajar untuk meningkatkan kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab, pengurangan kebimbangan berbahasa Arab, keyakinan bertutur bahasa Arab, kecekapan bertutur bahasa Arab dan minat pelajar terhadap isu-isu negara Arab. Aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan spontan yang dilaksanakan dalam kursus ini ialah *coaching* dan *mentoring* pidato spontan, latihan pidato spontan berulang kali dan aktiviti pidato spontan. Dapatkan kajian ini mengukuhkan lagi daptan kajian-kajian lepas tentang sumbangan aktiviti pidato spontan dalam penguasaan bahasa-bahasa lain oleh para pelajar seperti bahasa Melayu [15], bahasa Indonesia [14], bahasa Punjabi [16] dan bahasa Spanyol [10]. Pelaksanaan aktiviti pidato spontan dalam pengajaran bahasa-bahasa tersebut telah meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap bahasa yang mereka pelajari.

5.6 Peranan Pensyarah

Peranan pensyarah juga membantu para pelajar untuk meningkatkan kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab, mengurangkan kebimbangan berbahasa Arab dan meningkatkan keyakinan bertutur bahasa Arab mereka. Kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab pelajar meningkat apabila mereka diberikan ruang masa untuk bersedia terlebih dahulu oleh pensyarah. Kebimbangan berbahasa Arab pelajar berkang apabila pensyarah memberikan galakan dan bantuan secara berterusan. Manakala keyakinan bertutur bahasa Arab pelajar terhasil daripada aktiviti *coaching* dan *mentoring* isu Arab Spring dan *coaching* dan *mentoring* pidato spontan oleh pensyarah. Selain daripada menjadi fasilitator, pensyarah juga bertindak sebagai *coach* dan *mentor* dalam kajian ini. Oleh sebab itu, kajian ini berbeza dengan kajian Hairun Najuwah [12] tentang pengajaran kemahiran bertutur menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar yang menyatakan bahawa guru hanya bertindak sebagai fasilitator sahaja di dalam kelas. Selain daripada itu, dapatkan kajian ini juga mengukuhkan lagi daptan kajian Mohammad Abdillah, Miss Asma dan

Zamri [19] serta Wan Azura, Lubna dan Ahmad Fazullah [39] tentang kepentingan peranan pensyarah dalam usaha membantu para pelajar untuk meningkatkan minat dan penguasaan kemahiran-kemahiran bahasa Arab.

5.6 Perbincangan di dalam Bilik Kuliah

Siri perbincangan bersama pensyarah dan rakan-rakan di dalam kelas juga membantu dalam peningkatan kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab, peningkatan kecekapan bertutur bahasa Arab, peningkatan minat terhadap budaya Arab dan minat terhadap isu-isu negara Arab. Antara perbincangan yang dilaksanakan di dalam bilik kuliah ialah perbincangan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika bertutur bahasa Arab, perbincangan tentang isu-isu negara Arab dan perbincangan tentang budaya Arab. Aktiviti perbincangan bersama pensyarah dan rakan-rakan ini juga akan meningkatkan keyakinan diri dan motivasi dalaman para pelajar [39]. Kajian ini juga merealisasikan cadangan kajian Asif [3] agar guru berbincang dengan pelajar tentang masalah yang mereka hadapi ketika bertutur bahasa Arab. Perbincangan bersama pensyarah juga meliputi topik tentang budaya Arab dan isu-isu negara Arab untuk meningkatkan penampilan antarabangsa pelajar.

5.6 Kepelbagaiaktiviti dan Tugasan Kursus

Kepelbagaiaktiviti dan tugasan kursus juga turut membantu untuk meningkatkan kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab, pengurangan keimbangan berbahasa Arab, keyakinan bertutur bahasa Arab, kecekapan bertutur bahasa Arab, interaksi dengan orang Arab dan minat terhadap budaya Arab. Dapatkan kajian ini mengukuhkan lagi kajian Nor Syahida [26] tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa berdasarkan tugasan dan aktiviti. Dapatkan kajian Nor Syahida [26] menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa berdasarkan tugasan dan aktiviti berjaya memberikan impak positif kepada pihak pensyarah dan pihak pelajar bagi memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab

Dalam kajian ini, aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang satu semester meliputi aktiviti latih tubi bercakap Arab, latihan perbualan bahasa Arab berpandukan dan tanpa berpandukan buku teks *Arabic Linguaphone*, aktiviti di restoran Arab, latihan pidato spontan dan perbincangan di dalam bilik kuliah. Aktiviti latih tubi bercakap Arab yang dilaksanakan ialah latih tubi bercakap Arab di hadapan cermin dan latih tubi menyebut nombor telefon. Setelah itu, para pelajar dikehendaki merakam latih tubi bercakap Arab tentang diri mereka sebagai tugas.

Begitu juga dengan latihan perbualan bahasa Arab bersama rakan-rakan. Para pelajar perlu melakukan latihan perbualan berpandukan buku teks *Arabic Linguaphone* secara berterusan. Terdapat 30 topik perbualan yang perlu dilakukan latihan perbualan bersama rakan oleh para pelajar. Sesekali latihan perbualan bersama rakan tanpa berpandukan buku teks *Arabic Linguaphone* juga dilaksanakan oleh pensyarah bagi memantau sejauh mana penguasaan pelajar terhadap setiap topik.

Antara aktiviti yang dilakukan di restoran Arab ialah melihat menu makanan Arab, memesan makanan Arab daripada pelayan Arab dan makan makanan Arab. Tujuan aktiviti di restoran Arab ini diadakan ialah untuk mendedahkan budaya Arab kepada para pelajar dan secara tidak langsung aktiviti ini akan meningkatkan interaksi praktikal para pelajar dengan orang Arab. Aktiviti di restoran Arab juga menyediakan persekitaran Arab kepada para pelajar sekali gus mengatasi masalah ketiadaan persekitaran yang merangsang para pelajar untuk bertutur bahasa Arab.

Manakala tugasan-tugasan kursus yang diberikan kepada para pelajar pula melibatkan tugasan impian, identiti Arab dan tugasan rakaman video seperti video *speaking drill*, video perbualan di restoran Arab, video nyanyian lagu kebangsaan negara Arab, video masakan Arab, video

memperkenalkan masjid di Malaysia dan video pertukaran budaya. Semua tugas ini dirangka oleh pensyarah sendiri untuk menjayakan pelaksanaan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* yang dilaksanakan oleh beliau.

Tugas impian dilaksanakan bersesuaian dengan elemen *coaching* dan *mentoring* yang disertakan dalam pendekatan pengajaran yang digunakan. Elemen *coaching* dan *mentoring* memerlukan seseorang *coachee* dan *mentee* untuk menetapkan impian mereka sendiri. Tugas impian selari dengan kajian Moller *et al.*, [22] yang menyatakan bahawa penetapan impian merupakan perkara yang penting untuk mencapai matlamat dalam hidup. Sebelum para pelajar menulis impian tentang bahasa Arab, pensyarah membimbing para pelajar melalui sesi hipnoterapi terlebih dahulu. Sesi hipnoterapi merupakan satu teknik terapi yang berfungsi untuk menelusuri pemikiran bawah sedar pelajar dan mengenal pasti perkara yang menjadi penyebab masalah dalam dirinya.

Tugas identiti Arab bertujuan untuk mengeluarkan pelajar daripada zon selesa. Para pelajar berada dalam zon selesa kerana mereka berada dalam persekitaran budaya Melayu. Perbezaan budaya dan persekitaran ini tidak membantu untuk menyemarakkan penggunaan bahasa kedua dalam kehidupan seharian pelajar [2,13,32]. Melalui tugas identiti Arab ini para pelajar perlu mencipta identiti Arab mereka sendiri berdasarkan negara Arab yang dipilih. Segala maklumat tentang negara tersebut perlu diketahui oleh para pelajar dan mereka perlu menganggap bahawa budaya negara Arab tersebut adalah budaya mereka sendiri. Tugas identiti Arab ini merupakan antara alternatif penyelesaian kepada masalah ketiadaan persekitaran bahasa Arab. Masalah ketiadaan persekitaran bahasa Arab ini dapat diimbangi dengan pemilihan kaedah pengajaran yang menarik dan sesuai dengan matlamat pembelajaran .

Manakala tugas rakam video yang pelbagai pula memerlukan pelajar untuk bercakap Arab di hadapan kamera. Tugas rakaman video ini boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan. Dengan adanya tugas rakaman pelbagai video ini, para pelajar terpaksa bercakap Arab untuk menyiapkan tugas tersebut. Tugas rakam video ini selari dengan dapatan kajian Hadi [11] yang menggalakkan penggunaan media pembelajaran kontemporari dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Tambahan pula, dapatan kajian pengajaran berasaskan video oleh Syamsulaini & Mashitoh [36] telah menyenaraikan lima kepentingan video iaitu meningkatkan bilangan bacaan dan bahan pengajaran, membantu dalam pembangunan asas pengetahuan pelajar, mengukuhkan kefahaman, meningkatkan motivasi dan semangat pelajar dan menggalakkan keberkesanan pengajaran pendidik. Namun begitu terdapat perbezaan antara kajian ini dengan kajian Syamsulaini & Mashitoh [36] apabila video dalam kajian ini dijadikan sebagai tugas kepada para pelajar, bukan sebagai bahan pengajaran pensyarah.

5.6 Inisiatif Pelajar

Inisiatif pelajar membantu dalam peningkatan penampilan antarabangsa dari aspek interaksi dengan orang Arab. Antara inisiatif yang diambil oleh pihak pelajar sendiri ialah mendorong diri sendiri untuk tingkatkan kesanggupan berkomunikasi bahasa Arab, mencipta kesediaan diri untuk meningkatkan keyakinan diri, meletakkan kepercayaan kepada diri sendiri untuk meningkatkan kecekapan bertutur bahasa Arab. Para pelajar mengakui bahawa mereka perlu memaksa diri, memberanikan diri dan berkawan dengan orang Arab untuk meningkatkan interaksi mereka dengan orang Arab. Tindakan pelajar untuk memaksa diri, memberanikan diri dan berkawan dengan orang Arab selari dengan dapatan kajian Nur Pratiwi [29] yang menyatakan bahawa para pelajar perlu memainkan peranan yang penting untuk mengendalikan keresahan berbahasa Arab mereka.

5.7 Unsur Paksaan

Unsur paksaan ini diberikan secara tidak langsung oleh pensyarah dan rasa terpaksa pula dirasai oleh pihak pelajar. Rasa terpaksa dalam kalangan para pelajar hadir daripada unsur paksaan yang diterapkan oleh pensyarah. Pensyarah bertindak untuk memaksa pelajar untuk bercakap bahasa Arab secara berulang kali sebagai latih tubi kepada mereka. Pemberian tugasan yang banyak dan pelbagai pula menyebabkan para pelajar Berdasarkan dapatan kualitatif dalam jadual 8, unsur paksaan ini telah menyumbang kepada pengurangan kebimbangan berbahasa Arab, peningkatan keyakinan bertutur dan interaksi dengan orang Arab.

Dapatan kajian daripada data kualitatif ini menunjukkan bahawa para peserta kajian telah mengakui bahawa semua perkara, aktiviti dan tugas yang di senarai pendekkan daripada subtema-subtema data kualitatif telah membantu dalam peningkatan kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa Arab, pengurangan kebimbangan berbahasa Arab, keyakinan bertutur bahasa Arab, kecekapan bertutur bahasa Arab dan penampilan antarabangsa dalam diri setiap pelajar. Kadar peningkatan diri para pelajar dari sudut kesanggupan berkomunikasi, kebimbangan berbahasa, keyakinan linguistik, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa boleh dilihat daripada data kuantitatif yang telah dibentangkan di atas. Justeru itu, semua aktiviti dan tugas yang telah di senarai pendekkan tersebut perlu dikekalkan oleh pensyarah semasa melaksanakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar telah memberikan respons positif terhadap kesan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah. Respons pelajar dalam bentuk persepsi positif yang diberikan oleh para peserta kajian menunjukkan bahawa berlaku peningkatan dalam diri mereka setelah mengikuti kursus ini. Peningkatan tersebut berlaku apabila para pelajar lebih sanggup berkomunikasi, kurang kebimbangan, lebih yakin, lebih cekap berbahasa Arab dan menunjukkan penampilan antarabangsa dalam diri mereka. Kejayaan para pelajar untuk mengurangkan semua masalah tersebut menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* sedikit sebanyak telah memberikan kesan positif kepada para peserta kajian ini. Cara pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* membantu untuk meningkatkan kesanggupan berkomunikasi, pengurangan kebimbangan berbahasa, keyakinan bertutur, kecekapan bertutur dan penampilan antarabangsa juga dibincangkan bersama. Oleh sebab itu, pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* mempunyai potensi besar untuk dijadikan sebagai salah satu daripada pendekatan pengajaran para pensyarah semasa proses pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Rujukan

- [1] Al-Dyab, Ahmed. "Problems and Solutions in Teaching Arabic to Turks." *Jaamiah Ghazi*, 2012.
- [2] Alharbi, Heba Awadh. "Improving Students' English Speaking Proficiency in Saudi Public Schools." *International Journal of Instruction* 8, no. 1 (2015): 105-116.
- [3] Asif, Fariha. "The Anxiety Factors among Saudi EFL Learners: A Study from English Language Teachers' Perspective." *English Language Teaching* 10, no. 6 (2017): 160.
- [4] Awatif Abd Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan, and Hairun Najuwah Jamali. "Persepsi Pelajar Di IPT Malaysia Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab." *Journal of Chemical Information and Modeling* 53, no. 9 (2013): 1–14. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>.
- [5] Baharum, Azlan Shaiful, and Rosni Samah. "Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap Kesalahan Bahasa Arab,

- Faktor Penyumbang dan Implikasi." *Sains Humanika* 6, no. 1 (2015).
- [6] Shafie, Bani Hidayat Mohd. "Persepsi Pelajar Terhadap Fungsi Surau Sekolah Sebagai Pusat Pendidikan Di Sekolah Menengah Kebangsaan." *Journal of al-Quran and Tarbiyyah* 1, no. 1 (2014).
- [7] Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. 4th ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- [8] Ellis, Nick C. "Second language acquisition." *The Routledge Handbook of Second Language Acquisition* (2013): 193.
- [9] akaria, Gamal Abdul Nasir, and Salwa Mahalle. "KAJIAN AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB SEKOLAH MENENGAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM." *O-JIE: Online Journal of Islamic Education* 3, no. 1 (2017): 1-40.
- [10] Grinstead, John, Alisa Baron, Mariana Vega-Mendoza, Juliana De la Mora, Myriam Cantú-Sánchez, and Blanca Flores. "Tense marking and spontaneous speech measures in Spanish specific language impairment: A discriminant function analysis." *Journal of Speech, Language, and Hearing Research* 56, no. 1 (2013): 352-363.
- [11] Hadi Hasanuddin. "Istikhdam Wasail Al-Ta'lim Al-Hadithah Litarqiyah Maharat Al-Kalam (Bitatbiq Ala Al-Tullab Qismi Al-Lughah Bi Al-Madrasah Al-Thanawiyah Al-Islamiyyah Al-Hukumiyyah Al-Thani Tulungagung Li Al-Am Al-Dirasi 2015-2016M)." *al-Jamiah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah Tulungagung*, 2016.
- [12] Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan, and Siti Nurhajariah Md Isa. "Pemantapan Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Melalui Kajian Tindakan." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, no. Special Issue (2017) (2017): 29-43.
- [13] Jumiya, Ahmad. "Masalah pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensi: Satu kajian kes." PhD diss., Universiti Utara Malaysia, 2014.
- [14] Kumar, Yogesh, and Navdeep Singh. "An Automatic Spontaneous Speech Recognition System for Punjabi Language." In *Speech and Language Processing for Human-Machine Communications*, pp. 57-66. Springer, Singapore, 2018.
- [15] Lestari, Dessi Puji, and Angela Irfani. "Acoustic and language models adaptation for Indonesian spontaneous speech recognition." In *Advanced Informatics: Concepts, Theory and Applications (ICAICTA), 2015 2nd International Conference on*, pp. 1-5. IEEE, 2015.
- [16] Izzad, M., Nursuriati Jamil, and Zainab Abu Bakar. "Speech/non-speech detection in Malay language spontaneous speech." In *Computing, Management and Telecommunications (ComManTel), 2013 International Conference on*, pp. 219-224. IEEE, 2013.
- [17] MacIntyre, Peter, Susan Baker, Richard Clément, and Leslie Donovan. "Talking in order to learn: Willingness to communicate and intensive language programs." *Canadian Modern Language Review* 59, no. 4 (2003): 589-608.
- [18] Ghazali, Mohamad Azrien Mohamed Adnan. "Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dan Efikasi Kendiri: Kajian ke atas Pelajar-pelajar Universiti di Semenanjung Malaysia." *Sarjana Jurnal* 26, no. 1 (2011): 80-98.
- [19] Samsuiman, Mohammad Abdillah, Miss Asma Benjaman, and Zamri Arifin. "Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab." *Jurnal Kemanusiaan* 12, no. 1 (2014).
- [20] Noh, Mohd Aderi Che, and Rohani Ahmad Tarmizi. "Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran (Students' Perception Toward Teaching Tilawah Al-Quran)." dalam *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34, no. 1 (2009): 93-109.
- [21] Nasir, Mohd Shahrizal, Mohd Firdaus Yahaya, and Muhammad Sabri. "Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam." (2013): 1-12.
- [22] Moeller, Aleidine J., Janine M. Theiler, and Chaorong Wu. "Goal setting and student achievement: A longitudinal study." *The Modern Language Journal* 96, no. 2 (2012): 153-169.
- [23] Yahya, Noor Faizah. "Persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran guru pengajian keusahawanan: satu kajian di Sekolah Menengah Teknik Alor Setar, Kedah." PhD diss., Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, 2004.
- [24] Kassim, Noorafini, Saini Ag Damit, and Muhammad Suhaimi Taat. "PENGARUH SIKAP PELAJAR DAN PENGAJARAN GURU TERHADAP PENGUASAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PPIB, UMS." *Jurnal Ulwan* 2, no. 1 (2017): 125-142.
- [25] Nooriah Yusof, Zakiah Jamaluddin, and Norain Mat Lazim. "Persepsi Pelajar Prasiswa Terhadap Kebolehpasaran Graduan Dan Persaingan Dalam Pasaran Pekerjaan." *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013): 77-92.
- [26] Nor Syahida, Ahmad. "Pengajaran Bahasa Arab: Kajian terhadap kaedah pengajaran bahasa berasaskan tugas (KPBBT) di Pusat Asasi UIAM/Nor Syahida Binti Ahmad." PhD diss., University of Malaya, 2015.
- [27] Hat, Norhayati Che, Shaferul Hafes Sha'ari, and Mohd Fauzi Abdul Hamid. "Persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa arab." *Sains Humanika* 63, no. 1 (2013).
- [28] Saktirun, Norhayati. "Persepsi pelajar terhadap amalan, kemahiran dan sikap serta hubungannya dengan aspirasi kerjaya dalam mata pelajaran vokasional di sekolah menengah harian daerah Batu Pahat." PhD diss., Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2016.
- [29] Pratiwi, Nur, H. A. Suhaila Zailani, and A. G. Salamiah. "Kajian Terhadap Faktor Keresahan Pelajar Dalam Kelas Maharat Al-Muhadathah Wal Khatabah." In *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*, vol. 1.

2014.

- [30] Rohaizaf Mizani Mat Zin. "Istikhdam Al-Tariqah Al-Mubasyarah Fi Ta'alim Maharat Al-Kalam Li Tullab Mubtadiin Min Al-Nathiqin Biha Kalughah Thaniyah Fi Markaz Al-Dirasat Al-Asasiyyah Bi Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Al-Alamiyyah Bi Malizia," 2013.
- [31] Selamat Sukirno. "Tatbiq Tariqat Al-Tadris Binamuzaji 'ARTIKULASI' Fi Taalim Al-Lughah Al-Arabiyyah Litarqiyah Maharat Al-Istimaa Wa Al-Kalam Fi Al-Fasl Al-Thamin Bi Madrasah Hashim Ashari Thani Al-Islamiyyah Al-Mutawassitah Nahdhat Al-Ulama' Jebuk Kudus." al-Jamiah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah Kudus, 2016. <http://eprints.stainkudus.ac.id/652/>.
- [32] S Bakar, Siti Saniah Abu. "Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3, no. 1 (2016): 52-61.
- [33] Linawati, Sri Lestari. "Persepsi Siswa SMP Muhammadiyah Boarding School Yogyakarta Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab." *Jurnal online (thesis. umy. ac. id/datapublik/t36830)*(2013).
- [34] Che Haron, Sueraya. "The teaching methodology of Arabic speaking skills: learners' perspectives." *International Education Studies* 6, no. 2 (2013): 55-62.
- [35] Kadikon, Sulaiman Bin, and Abidah Raudzah Binti Othman. "Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Program Kitar Semula Menurut Perspektif Islam."
- [36] Syamsulaini Sidek, and Mashitoh Hashim. "Pengajaran Berasaskan Video Dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis Dan Kajian Kritikal." *Journal of ICT in Education (JICTIE)* 3, no. ISSN 2289-7844 / (2016): 24–33.
- [37] Hassan, Syed Najmuddin Syed, Ab Halim Tamuri, Isahak Othaman, and Mohd Sabri Mamat. "Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM." *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education* 1, no. 2 (2009): 31-50.
- [38] Thoimah, Rusydi Ahmad. *Al-Maharat Al-Lughawiyah: Mustawayatiha, Tadrisiha, Su'ubatiha*. Pertama. al-Iqad, Madinah Nasr, al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabiyy, 2004.
- [39] Ahmad, Wan Azura Wan, Lubna Abd Rahman, Zainal Abidin, and Ahmad Fazullah Mohd. "Kecenderungan Psikologi Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian Di Kalangan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)= the Inclination of Students' Psychology towards the Learning of Arabic at Institutions of Higher Education..." *'Ulüm Islāmiyyah Journal* 197, no. 1559 (2013): 1-34.
- [40] ALI, WANZAHWA, Sharifah Md Nor, Siti Suria Salim, Othman Mohamed, Kamariah Abu Bakar, Arshad Abd Samad, Ramlah Hamzah, Rohani Ahmad Tarmizi, Rasid Jamian, and Hayat Marzuki. "Persepsi Pelajar Berisiko Terhadap Iklim Pembelajaran (At-Risk Students' Perception Toward Learning Climate)." *Educational Research* 60 (2009): 549-571.
- [41] Ali, Zalina Mohd. "Persepsi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Terhadap Kualiti Pendidikan Kejuruteraan." *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* 3, no. 2 (2011): 12-24.
- [42] Ismail, Zawawi, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, and Mohd Ala-Uddin Othman. "Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa arab di SMKA di Malaysia." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11, no. 2 (2011).